

*Penutur Bahasa Hindko: satu bahasa, pelbagai suku*



Kemungkinan lima juta orang di bahagian utara Pakistan berbahasa Hindko. Jumlah ini melebihi populasi negara Norway dan hampir sama

dengan Turkmenistan. Kumpulan Hindko terdiri daripada beberapa kumpulan etnik yang kebanyakannya adalah kumpulan Pathan dan Moghul, dan lebih merupakan sebuah kumpulan bahasa daripada kumpulan orang.

**Cara hidup:** Orang yang berbahasa Hindko hidup sebagai petani atau pedagang di kaki gunung Himalaya. Jagung dan gandum merupakan hasil tanaman yang penting. Biji-bijian ini dikisar menjadi tepung dan dijadikan roti leper yang diambil untuk setiap hidangan.

Mereka mempunyai kehidupan yang biasa tetapi akan berusaha untuk mendapatkan pendidikan yang kukuh dan masa depan yang lebih baik bagi anak-anak mereka. Hanya 25% orang yang berbahasa Hindko boleh membaca.

Berbanding dengan saudara mereka yang berbahasa Pashto, orang-orang yang berbahasa Hindko dikenali sebagai orang yang berlemah-lembut dan mencintai kedamaian. Mereka lebih terbuka dari jiran-jiran mereka. Walaubagaimanapun, hanya segelintir orang yang



berbahasa Hindko merupakan pengikut-pengikut Yesus. Pada masa yang sama, perbezaan ekonomi dan keadaan politik yang tidak memberi suara kepada rakyat jelata telah memimpin ramai orang yang lemah-lembut ini untuk mencari perubahan melalui kelslaman yang fundamentalis. Kebanyakan sistem sekolah telah diambil alih oleh ahli-ahli fundamentalis, bahkan ini juga membawa pemuda-pemuda dari keluarga-keluarga yang miskin menyertai organisasi penganas.

### Mencari jawapan:

Gempa bumi yang membinasakan pada Oktober 2003 telah menyebabkan banyak kematian bagi hampir setiap keluarga yang berbahasa Hindko. Bahkan sehingga hari ini, ramai yang masih mencari kehidupan baru, tempat tinggal yang tetap dan jawapan kepada persoalan mereka. Keinginan untuk membaca perjanjian baru tetap kekal tetapi Firman Tuhan di dalam bahasa Hindko masih tidak terdapat dalam bentuk tercetak. Ramai yang tidak mempunyai kesempatan untuk mendengar Injil.

### **BAHAN-BAHAN DOA:**

- *Berdoalah untuk orang-orang Hindko yang percaya agar dapat mengatasi ketakutan mereka terhadap penganiayaan.*
- *Berdoa untuk orang-orang percaya yang rela melayani orang-orang yang berbahasa Hindko dengan kasih, dan secara praktikal.*
- *Berdoalah supaya Tuhan akan menyatakan diriNya*



*melalui pelbagai cara termasuklah mimpi-mimpi dan penglihatan di kalangan orang-orang yang berbahasa Hindko.*

- *Berdoalah supaya orang-orang yang berbahasa Hindko boleh mendapatkan firman Tuhan di dalam bahasa mereka sendiri melalui cetakan, audio, radio dan internet.*

### **Pakistan dalam keadaan sukar**

Seluruh dunia telah menyedari akan penderitaan negara Pakistan. Gempa bumi di Kashmir, pengeboman penganas dan pembunuhan Benazir Bhutto menjadikan negara Pakistan banyak terpapar pada tajuk utama akhbar sedunia dalam beberapa tahun ini. Kemungkinan sesuatu akan terjadi sebelum buku ini diterbitkan. Ingatlah untuk berdoa bagi negara ini.

[www.30-days.net](http://www.30-days.net)

[www.30daysfire.net](http://www.30daysfire.net)

30 Hari Doa bagi Dunia Muslim

